

Kepimpinan

UM 15 DEC 2001

Oleh FUAD NAHDI

DALAM tempoh tidak sampai dua dekad, Dr. M (gelaran yang diberikan kepada Dr. Mahathir Mohamad) telah mengetuai transformasi Malaysia (sebuah negara kecil di Asia Tenggara yang berpendapatan sederhana) daripada sebuah 'republik getah' kepada apa yang disifatkan sebagai salah sebuah negara 'harimau' di rantau itu.

Dari segi jumlah dagangan, ia adalah negara perdagangan ke-17 terpenting di dunia, dan bagi negara Islam, Malaysia adalah yang tertinggi.

Dua dekad di bawah pemerintahan Dr. M telah ditandai dengan kemakmuran dan kestabilan ekonomi dalam sebuah negara yang berbilang bangsa di rantau itu. Mahathir bukan saja memberikan kepimpinan yang baik dan pragmatik, tetapi juga turut memberi satu wawasan dan harapan untuk rakyatnya.

Hasilnya, Malaysia hari ini begitu unik di kalangan negara-negara Muslim yang lain; ia mempunyai Perdana Menteri yang telah dipilih untuk penggal kelima dengan majoriti lebih besar daripada yang diperoleh oleh Presiden George W. Bush dalam pilihan raya Amerika Syarikat yang lalu, bangunan tertinggi di dunia dan hubungan antara kaum yang hanya boleh dicemburui oleh negara seperti Britain.

Tetapi barangkali, keajaiban yang ketara yang telah dilakukan oleh negara dengan 23 juta penduduk di bawah kepimpinan Mahathir ialah mengadun warisan Islamnya dengan wawasan moden. Islam tidak berdepan dengan Barat dalam suasana saling berkongsi dan hormat-menghormati seperti di Malaysia. Buktinya ialah ibu negaranya, Kuala Lumpur. Jalan rayanya (yang hidup, berwarna-warni, bersih dan penuh sesak dengan trafik) adalah bukti bagaimana Timur dan Barat boleh saling wujud bersama.

Sejak bertahun-tahun, revolusi halal yang diketuai oleh Dr. M di sudut dunia terpencil sebelah sini semacam tidak diperhatikan terutamanya oleh dunia Islam. Tetapi hal ini nampaknya akan berubah. Peristiwa 11 September telah melonjakkan Malaysia menjadi perhatian ummah sejagat. Ia adalah satu-satunya negara Islam yang enggan tunduk, sebaliknya mengambil pendirian berprinsip terhadap segalanya.

Sejurus selepas serangan itu, Dr. M adalah antara yang pertama yang dengan

tegas mengutuk perbuatan tidak berperikemanusiaan itu. Beliau kemudian memberikan sokongan penuh kepada Presiden George W. Bush dalam "perang menentang keganasan" tetapi turut mengingatkan supaya tidak mengisytiharkan perang ke atas Afghanistan.

Rayuan beliau kepada Perdana Menteri, Tony Blair agar menyokong gesaannya supaya diadakan satu persidangan PBB tentang keganasan tidak berjaya tetapi beliau mendapat sokongan daripada majoriti negara Islam.

Dr. M tidak asing dengan kontroversi. Dan tiada siapa boleh menuduhnya sebagai pengecut. Beliau telah berdepan dengan sistem kewangan sejagat, spekulator mata wang dan media Barat. Pada 17 November misalnya, beliau menyifatkan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon sebagai "negara pengganas" - sesuatu yang pemimpin Palestin, Yasser Arafat sendiri tidak berani tegaskan.

Tegas Mahathir, Ariel Sharon adalah "orang yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan beribu-ribu orang Palestin di Shabra dan Shatilla dan masih lagi dalang di belakang pembunuhan sistematik rakyat Palestin hari ini".

Sekiranya komitmen beliau terhadap nilai-nilai Islam adalah yang paling pragmatik dalam dunia Islam, komitmennya kepada umat dan perjuangan Islam adalah sesuatu yang perlu dicontohi.

Semasa Perang Teluk dan kemudiannya konflik Bosnia, Malaysia berada di depan dalam segala usaha diplomatik dan bukan ketenteraan.

Dengan galakan Mahathir, Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang paling pemurah dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan.

Sumbangan per kapita kepada mereka yang memerlukan bantuan di Bosnia Herzegovina, Kosova, Chechnya, Kashmir dan Palestin adalah antara yang tertinggi di dunia.

Dalam konteks itu, kualiti dan pencapaian Dr. Mahathir jauh melebihi mana-mana pemimpin dunia Islam yang ada sekarang. Tetapi untuk menjadi pemimpin ummah sejagat, Dr. Mahathir dan Malaysia perlu akur pada beberapa perkara tertentu. Sesuatu yang paling penting adalah penentangan daripada kumpulan "pengikut Islam," suatu yang formal di dunia Arab dan di benua kecil.

Mereka yang keras kepala tidak mencerminkan pemahaman Islam, walau apa

spekulasi potensi.

Apa yang lebih signifikan, peningkatan Malaysia (dan Dr. Mahathir) dalam memimpin ummah akan memberikan satu ujian sebenar kepada dunia Arab. Selepas berdekad-dekad, bersediakah Kaheerah, Jeddah dan Khartoum menerima peningkatan dan kejayaan eksperimen yang dilakukan oleh Dr. M di Kuala Lumpur?

• Rencana ini dipetik dari majalah Q-News, Disember 2001.

juga "bentuk Islam" yang diambil: Dari satu sudut ia menunjukkan kepentingan politik, dan paling buruk, chauvinisme.

Ada banyak kumpulan "Islam" dan lain-lain misalnya yang tidak akan memaafkan Dr. Mahathir yang didakwa menganiayai Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Anwar sekarang menjalani hukuman penjara 15 tahun selepas didapati bersalah atas tuduhan "salah laku seks dan rasuah."

Anwar membelanjakan wang untuk menggambarkan dirinya seorang "pemimpin Islam". Ini termasuk menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan lumayan kepada sejumlah kawannya. Dr. Mahathir sebaliknya tidak pernah peduli untuk melabur tentang kedudukannya dalam ummah sejagat. Profil yang dipegangnya sekarang keseluruhannya adalah meritokratik dan berdasarkan kepada pencapaian yang ketara dan bukannya